

Panggilan terakhir Al Najiatun

ADIK-beradik Al Najiatun sebak akibat kehilangan kakak tersayang.



Tumpat: "Dua hari sebelum kejadian, arwah ada menghubungi saya untuk meminta izin menyertai rombongan Persatuan Pelajar Malaysia ke program keagamaan di Mafraq.

"Namun, selepas itu tidak menerima apa-apa panggilan sehingga dimaklumkan dia terbabit kemalangan ini," kata Mohd Safie Ismail, bapa Al Najiatun Nalah Mohd Safie, 21, seorang daripada tiga penuntut yang maut ketika dalam perjalanan ke Mafraq, Jordan, kelmarin.

Mohd Safie, 54, yang juga Pengefua Maahad Tahfiz Berangan, Tumpat berkata, anak ketiga daripada enam beradik itu gembira berbual dengannya apabila memberitahu mahu mengikuti program keagamaan.

Katanya, dia juga tidak mengesan sebarang perlakuan pelik anaknya dan memberi keizinan untuknya mengikuti program itu asalkan pandai menjaga diri.

"Saya terkejut apabila menerima panggilan daripada pihak Kedutaan Malaysia di Jordan sekitar 7.30 malam semalam (kelmarin) memaklumkan Nalah kemalangan dan meninggal dunia.

"Ketika itu, saya dan isteri, Rohaizan Omar, 53, dan ahli keluarga lain berada di Terengganu kerana menghantar anak keempat, Al Najiatul Nafahah, 19, yang belajar di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

"Kami reda dengan berita kehilangan ini walaupun tidak percaya pada mulanya. Sebagai hamba Allah, kami kena terima, reda menerima ketentuan Allah SWT," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Ketika dihubungi, Mohd Safie berada di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu untuk ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Dia dan isterinya berlepas ke Amman, Jordan pada 7.50 malam semalam menaiki penerbangan Etihad Airways untuk urusan menuntut jenazah anaknya.

Katanya, dia akan membawa pulang jenazah untuk disemadikan di Sungai Pinang, Tumpat.

Sementara itu, abang kedua arwah, Mohamad Farhan, 22, berkata, adiknya seorang periang dan selalu berhubung dengan mereka adik-beradik menerusi aplikasi WhatsApp.

MOHD Safie memeluk salah seorang anaknya yang tidak dapat menahan sebak kehilangan kakaknya di Lapangan Terbang Sultan Yahya Petra.



Al Najiatun



IBU bapa Al Najiatun menunjukkan gambar arwah anak mereka sebelum menaiki kapal terbang menuju ke Jordan.